

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 DECEMBER 2016

Batal undangan Dr M bukan arahan Pejabat Perdana Menteri

BH - 17/12/2016

Putrajaya: Pembatalan undangan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad ke istiadat melafaz sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-15 di Istana Negara bukan atas arahan Pejabat Perdana Menteri, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya, beliau membuat semakan terhadap pembatalan undangan kepada bekas perdana menteri itu dan mendapati urusan itu adalah di bawah kuasa Istana Negara.

Bahagian istiadat terima arahan

“Bahagian istiadat hanya menerima arahan, walaupun tidak titah bagi pembatalan itu. Jangan salahkan bahagian istiadat Jabatan Perdana Menteri atau Pejabat Perdana Menteri sendiri.

“Kalau tidak berpuas hati, sila menghadap (Yang di-Pertuan Agong) untuk mendapatkan penjelasan, jangan salahkan orang lain,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Imigresen di sini, semalam.

Pada 7 Disember lalu, surat daripada Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja kepada Dr Mahathir yang membatalkan undangan ke istiadat itu tersebar di media sosial sehingga menimbulkan pelbagai spekulasi.